

REKABENTUK DAN RAGAMHIAS MASJID-MASJID TRADISIONAL
DI SEKITAR BANDAR MELAKA:
HUBUNGANNYA DENGAN KONSEP KETUHANAN DAN KEALAMAN.

OLEH:
ASMAK BINTI OTHMAN

Thesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

Dekan Kajian,
Kajian Senilukis dan Senireka,
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor D. Ehsan.

PENGHARGAAN

Ucapan terimakasih yang tidak terhingga ditujukan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam membantu saya menyiapkan thesis ini.

Pertamanya kepada Dekan Kajian Senilukis dan Senireka, Ketua Kursus Jabatan Seni Halus, pensyarah-pensyarah, Penasihat thesis saya, Encik Ponirin Amin yang sentiasa memberi bimbingan nasihat.

Juga ucapan ini kepada Encik Rosli Buyong (pengukir Muzium Negara), Encik Badrol Hisham Hj. Hashim (Senior Building Executive), imam-imam, bilal-bilal dan siak-siak masjid-masjid di sekitar Bandar Melaka.

Ucapan penghargaan saya kepada pihak Perpustakaan Tun Razak ITM Shah Alam, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Selangor, Perpustakaan Pusat Islam, Infokraf dan Muzium Negara dalam memberi data dan maklumat.

Kepada jiwa ayahku, kalbu ibuku, keluarga yang disayangi di samping rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi semangat dan dorongan dalam menyempurnakan thesis ini. Semoga segala usaha diberkati Allah s.w.t. Insyaallah.

Asmaki bihti Othman,
Jabatan Seni Halus,
Kajian Senilukis Senireka,
ITM Shah Alam.

**REKABENTUK DAN RAGAMHIAS MASJID-MASJID TRADISIONAL
DI SEKITAR BANDAR MELAKA:
HUBUNGANNYA DENGAN KONSEP KETUHANAN DAN KEALAMAN**

KANDUNGAN	HALAMAN
Sekapur Sirih	I
Penghargaan	III
Kandungan	IV
Daftar Rajah	VI
Daftar Sisipan	VII
Pengenalan	VIII
BAB I : SEJARAH MELAYU	
1.0 Kedatangan Islam di Malaysia	I
2.0 Kepercayaan Orang-orang Melayu	7
3.0 Konsep Ketuhanan dan Kealaman	II
BAB II : SENIBINA MASJID	
4.0 Definisi Masjid	18
5.0 Masjid Pertama di Dunia	29
6.0 Rekabentuk Utama di Dalam Masjid	32
7.0 Rekabentuk Yang Sesebuah Masjid (Rekabentuk Islam)	34

KANDUNGAN**HALAMAN****BAB III : REKABENTUK**

8.0 Definisi Rekabentuk	41
9.0 Rekabentuk Asas Masjid-masjid Tradisional Melaka	46
10.0 Aspek-aspek Seniukir Pada Masjid-masjid Tradisional Melaka	67

BAB IV : KONSEP DAN FALSAFAH

II.0 Pengertian di Sebalik Rekabentuk Masjid	82
I2.0 Aspek Simbolisme Pada Ukiran Masjid	91

BAB V : KESIMPULAN

100

PENGENALAN

Masjid-masjid tradisional Melaka adalah masjid-masjid yang paling unik dengan keindahannya yang tersendiri. Rekabentuk seperti ini tidak akan dapat kita temui di lain-lain negeri khususnya di Malaysia. Setelah pendapat meletakkannya dalam kategori rekabentuk yang 'istimewa' kerana kelainannya itu.

Masjid-masjid tradisional Melaka tidak mempunyai tulang belakang bumbung. Ia mempunyai som pecah empat bertemu di puncaknya yang diberi hiasan yang indah dan atapnya pula bertingkat tiga menuju ke atas puncak. Di hujung setiap som diberi hiasan awan larat sulur bayung. Bumbung bertingkat tiga tangkup ini dikenali juga dengan nama bumbung limas oleh masyarakat Minangkabau.

Berbagai andaian yang dibuat mengenai pengaruh-pengaruh senibina luar yang terdapat pada rekabentuk masjid-masjid tradisional ini. Setengah mendakwa ia mendapat pengaruh daripada Sumatera, Tanah Jawa hingga ke Makasar kerana di sana juga terdapat senibina yang sedemikian rupa.

Ada juga berpendapat ia mempunyai banyak persamaan dengan bangunan stupà di India, pagoda di Cina dan watt di Thailand.